

05/03/1997

Suasana murung di rumah Allahyarham

Azhar Abu Samah; Ibrahim Muhammad; Noor Jaafar; Baharom Bakar
MARANG, Selasa - Suasana sedih menyelubungi kediaman Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad dan isterinya, Puan Sri Rohana Othman di Kampung Paya Kijing, di sini yang terkorban dalam nahas helikopter di Kuala Lipis, malam tadi.

Sejak awal pagi, lebih 10,000 orang termasuk penduduk kampung, murid sekolah dan pemimpin negeri dan Pusat bertali arus mengunjungi rumah Allahyarham bagi memberikan penghormatan terakhir.

Suasana pilu jelas kelihatan terutama di kalangan penduduk kampung yang menggambarkan kehilangan besar seorang anak watan yang banyak berjasa kepada bangsa, agama dan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, antara orang kenamaan yang memberi penghormatan terakhir, pada kira-kira jam 3.30 petang tadi.

Dr Mahathir tiba dari Kuala Lumpur, meluangkan masa kira-kira sejam sebelum berlepas pulang ke ibu negara kira-kira jam 4.20 petang.

Dr Mahathir dan isteri tiba ditemani Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Toh Puan Aishahtun Shuhaimi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, pula tiba di rumah itu kira-kira jam 4.40 petang.

Sultan Terengganu dan Sultan Pahang turut menziarahi Allahyarham.

Bagi penduduk kampung berkenaan, kematian Yahaya satu kehilangan kepada mereka, terutama Allahyarham tidak dapat bersama-sama untuk bersolat berjemaah di masjid baru di Rhu Rendang, kira-kira dua kilometer dari rumahnya yang pembinaannya dibiayai sepenuhnya oleh Allahyarham.

Menurut ahli jawatankuasa masjid, Abdul Ghani Said, 55, kali akhir Allahyarham bersolat Tarawih di masjid kampung itu ialah pada malam 17 Ramadan dan sempat berbuka puasa bersama-sama penduduk kampung.

"Yahaya turut memberi sedekah seekor kerbau untuk jamuan penduduk kampung berbuka puasa," katanya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Pertanian, Datuk Dr Sulaiman Daud; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; dan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi adalah antara tetamu kehormat yang hadir memberikan penghormatan terakhir kepada Yahaya dan isteri.

(END)